



Surat Berita Bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer

# Kesalahan Ketika Menghantar E-mel dan Cara mengelaknya

## Pengenalan

E-mel masih lagi satu cara utama untuk kita berkomunikasi di kedua-dua kehidupan profesional dan peribadi. Bagaimanapun seringkali kita menjadi musuh sendiri semasa menggunakan e-mel. Berikut adalah empat kesilapan yang sering dilakukan ketika menggunakan e-mel dan cara untuk mengelakkannya.

### Lengkap-Automatik

Lengkap-automatik adalah ciri biasa pada hampir pada kesemua pelanggan e-mel. Sebaik sahaja anda menaip nama penerima e-mel tersebut, perisian e-mel anda akan memilih alamat e-mel mereka dengan automatik. Dengan cara ini pengguna tidak perlu menghafal alamat e-mel penerima, hanya nama mereka. Masalah timbul apabila anda mempunyai beberapa kenalan yang berkongsi nama yang serupa, ianya sangat mudah untuk fungsi lengkap-automatik memilih alamat yang salah untuk anda. Sebagai contoh anda mungkin mahu menghantar e-mel yang sensitif kepada “Ali bin Abu” di jabatan akaun, sebaliknya lengkap-automatik memilih e-mel untuk “Adli bin Abduh”, jurulatih bola sepak anak anda. Akibatnya e-mel yang mengandungi kandungan yang sensitif tersebut telah dihantar kepada seseorang yang anda tidak begitu kenali. Lindungi diri anda, sentiasa semak beberapa kali nama dan alamat penerima e-mel dalam mana-mana e-mel sensitif sebelum anda tekan butang hantar.

### Balas-Semua

Sebagai tambahan kepada ruang “Kepada” (To) semasa anda mengarang e-mel anda juga mempunyai pilihan “Salinan Kepada” (CC). Salinan kepada membenarkan anda menambah penerima lain untuk memaklumkan mereka akan e-mel yang anda hantar. Apabila seseorang menghantar e-mel dan membuat salinan kepada penerima lain, anda harus membuat keputusan sama ada hanya mahu membalas kepada pengirim atau membalas kepada semua (Reply-All) penerima di dalam e-mel tersebut. Jika e-mel balas tersebut sensitif, mungkin ia perlu dihantar kepada pengirim sahaja. Bagaimanapun hati-hati ketika memilih “Balas” (Reply). Kebarangkalian untuk tertekan “Balas Semua” (Reply-All) sangat tinggi, bermakna anda akan menghantar e-mel balas kepada semua di dalam e-mel tersebut. Sekali lagi, apabila menghantar atau membalas e-mel sensitif, sentiasa semak berkali-kali penerima sebelum anda tekan butang hantar.

## Emosi

Jangan sesekali menghantar e-mel ketika emosi tidak baik. E-mel tersebut boleh memudaratkan di masa akan datang dan mungkin menyebabkan anda kehilangan kawan atau kerja. Sebaliknya, ambil masa untuk tenangkan diri. Jika anda perlu meluahkan kekecewaan, buka e-mel baru (pastikan tiada nama atau alamat e-mel pada bahagian KEPADA) dan taip apa yang anda ingin sampaikan. Kemudian bangun dan tinggalkan komputer tersebut, mungkin sediakan secawan kopi atau pergi berjalan. Apabila anda balik ke tempat, padam e-mel tersebut dan mulakan semula. Pilihan lebih baik adalah dengan menghubungi dan bercakap sendiri dengan orang tersebut atau bersemuka dengannya jika boleh. Kadangkala nada dan niat anda sukar untuk ditafsirkan melalui e-mel, jadi sesuatu mesej mungkin kedengaran lebih baik ketika berbual. Ingat, kadangkala humor tidak dapat diterjemahkan dengan baik melalui e-mel, dan orang lain mungkin tidak boleh memahami mesej anda.

## Privasi

Akhir sekali, e-mel mempunyai beberapa perlindungan privasi. E-mel anda boleh dibaca oleh sesiapa yang mempunyai capaian kepadanya, sama seperti poskad yang dihantar melalui pos. E-mel anda boleh dipanjangkan dengan mudah kepada sesiapa, di pos kan pada forum awam, dikeluarkan melalui kebenaran mahkamah atau disebarkan setelah pelayan digodam. Jika anda mempunyai sesuatu yang sangat peribadi untuk disampaikan kepada seseorang, gunakan telefon. Suka diingatkan disini bahawa di kebanyakan negara e-mel boleh dijadikan bahan bukti di mahkamah. Akhir sekali jika menggunakan komputer pejabat untuk menghantar e-mel, majikan mempunyai hak untuk memantau dan mungkin juga membaca e-mel anda ketika menggunakan sumber-sumber pejabat.

## Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snsc.skmm.gov.my/>.

## Editor Jemputan

*Keith Palmgren adalah seorang pengamal keselamatan dan mempunyai lebih dari 30 tahun pengalaman dalam industri ini. Beliau merupakan CEO NetIP Inc dan penulis kursus lima hari SANS SEC301 - "Introduction to Cyber Security".* <https://sans.org/sec301>.



## Sumber

Hentikan Memancing Data: <https://www.sans.org/u/lJj>

Kejuruteraan Sosial: <https://www.sans.org/u/lJo>

Mengurus Senarai Lengkap-Automatik E-mel Anda:

[Windows](#) [Mac](#)

OUCH! diterbitkan oleh program SANS Security Awareness dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0 license](#). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal. Untuk edisi lepas atau versi diterjemahkan, lawati [www.sans.org/security-awareness/ouch-newsletter](http://www.sans.org/security-awareness/ouch-newsletter). Editor: Walt Scrivens, Phil Hoffman, Cathy Click, Cheryl Conley | Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie